

Beradab beri pandangan kepada Agong, kita bukan Westminster

Oleh Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain - Mac 6, 2024 @ 12:30pm
bhrencana@bh.com.my



Pintu utama Istana Negara. - NSTP/Aswadi Alias

Sistem Perlembagaan negara kita mengandungi falsafah, doktrin dan prinsip termaktub dalam peruntukan nyata Perlembagaan Persekutuan. Semuanya perlu ditafsirkan dalam konteks watan mengikut kerangka kedaulatan, sejarah perundangan dan pengertian istilah bahasa betul.

Watan merujuk kepada elemen tempatan tanah air disokong sumber perundangan. Salah faham mengenai falsafah dan doktrin Perlembagaan Persekutuan bermula apabila terdapat dakwaan kononnya Raja-Raja Melayu sudah hilang kedaulatan, sekali gus negeri Melayu turut dijajah selama lebih 500 tahun.

Kekhilafan itu akhirnya membataskan penafsiran prinsip Perlembagaan berdasarkan acuan Westminster kerana digambarkannya warisan penjajahan British di negeri Melayu.

Tanpa menyelidik apa terkandung dalam perjanjian dan dokumen perundangan berlaku sepanjang tempoh campur tangan British, ramai sarjana dan ahli perundangan bergantung kepada pandangan popular penulis terdahulu begitu terpengaruh dengan pemikiran kolonial.

Akibatnya, sistem demokrasi berparlimen dianggap kuasa tertinggi di negara ini, walhal ia lahir dengan perkenan dan syarat dipersetujui Raja Berperlembagaan di Tanah Melayu. Raja Berperlembagaan bukannya satu bentuk pemerintahan asing diwujudkan akibat nasihat British.

Sebaliknya tiada kerajaan boleh berdiri tanpa Perlembagaan sama ada ia bertulis atau tidak bertulis dan mempunyai kedudukan sebagai tertinggi atau tidak dalam sistem politik kerajaan berkenaan.

Raja Berperlembagaan di Tanah Melayu sudah ditetapkan cirinya sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT apabila Raja-Raja Melayu memeluk agama Islam.

Kedudukan itu termaktub dalam Hukum Kanun di negeri Melayu. Kerangka kedaulatan dan doktrin berkenaan terus kekal terpelihara kerana kedaulatan Raja-Raja Melayu dilindungi perjanjian dimasuki baginda dengan British.

Ketika pendudukan Jepun sekalipun, kedudukan Raja-Raja Melayu tetap kekal malah berlaku kenaikan ganti raja pemerintah di Negeri Melayu dalam tempoh terbabit.

Konsep Raja Berperlembagaan diwarisi sejak sebelum Hari Persekutuan Tanah Melayu 1948 menetapkan kewajipan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah Allah SWT menegakkan pemerintahan adil berpandukan ajaran agama Islam.

Sumpah jawatan

Kewajipan itu dimanifestasikan dalam sumpah jawatan baginda masing-masing. Dengan kuat kuasanya Perjanjian Negeri 1948, bukan sahaja Perjanjian MacMichael 1945 dibatalkan bahkan Raja-Raja Melayu dengan syura pembesar baginda turut mengurniakan undang-undang tubuh kerajaan negeri masing-masing dalam bentuk moden.

Pembentukan Kerajaan Persekutuan diletakkan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai wakil Raja-Raja

Melayu adalah bersumberkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, bukanlah ciptaan sistem demokrasi berperlembagaan diagung-agungkan pada hari ini.

Dalam pada itu, Yang di-Pertuan Agong disyaratkan untuk melafazkan sumpah dan menandatangani surat caranya seperti termaktub dalam Jadual Keempat Perlembagaan.

Justeru, Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja mempunyai kedudukan berdaulat di negara ini sehingga hari ini. Di bawah institusi itu, terbahagi tiga cabang kuasa, iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman.

Dalam konteks ini, perlulah difahami bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai kewajipan sebagai Raja Berperlembagaan seperti diwarisi ciri kedaulatannya oleh Raja-Raja Melayu. Kewajipan sama turut terletak kepada ahli tiga cabang kuasa berkenaan yang melaksanakan fungsi kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Perlembagaan Persekutuan seperti juga undang-undang tubuh kerajaan negeri memelihara ciri yang menetapkan prinsip kedaulatan watannya. Dalam pada itu, undang-undang Perlembagaan turut membataskan budi bicara Yang di-Pertuan Agong dan memandu tatacara baginda melaksanakan kuasa kedaulatan berkenaan.

Namun, tiada sekatan buat Yang di-Pertuan Agong untuk bersuara, menegur dan menyampaikan pandangan kepada semua pihak melaksanakan fungsi kuasa baginda. Malah, sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong menuntut baginda memantau ketiga-tiga cabang kuasa terbabit. Selagi titah masih berada dalam kerangka Perlembagaan, maka ia mestilah dihormati.

Jika ada perbezaan pandangan, ia bolehlah disampaikan kepada baginda secara beradab. Adab kepada Yang di-Pertuan Agong turut digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui amalan adat Melayu. Amatlah tidak wajar seorang Ahli Parlimen menyanggah titah Yang di-Pertuan Agong secara terbuka apatah lagi secara tidak beradab seolah-olah tiada saluran boleh dimanfaatkan untuk memelihara rukun kesopanan dan kesusilaan.

Tidak wajar juga mana-mana pihak menyandarkan amalan Westminster untuk mengunci titah diraja. Asas Perlembagaan Persekutuan adalah berdasarkan watan tanah air kita bukanlah ditiru bulat-bulat daripada Westminster.

Suruhanjaya Reid hanyalah sebuah jawatankuasa ditugaskan mengemukakan cadangan Perlembagaan bagi pembentukan sebuah Persekutuan kuat berdasarkan terma dipersetujui Raja-Raja Melayu.

Suruhanjaya itu bukanlah kuasa berdaulat, sebaliknya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diabsahkan dengan kuasa kedaulatan Raja-Raja Melayu, pada

masa sama, kuasa kedaulatan Kerajaan British ke atas Pulau Pinang dan Melaka diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Titah Yang di-Pertuan Agong mengenai sekatan persidangan selama 14 hari terhadap Ahli Parlimen melampaui batasan ketika berbahas dan berkelakuan di Dewan Rakyat perlu dilihat dari sudut semangat pandangan itu.

Di samping menghormati pandangan baginda mengambil berat kemuliaan sidang Parlimen, Speaker masih boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengawal tingkah laku Ahli Parlimen.

Masih belum terlewat, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meneliti cadangan penubuhan Suruhanjaya Kedaulatan Negara (SUKEN) yang pernah disiarkan dalam BH pada 13 Julai 2023.

Suruhanjaya ini boleh memberi pandangan demi memelihara perkara dilindungi Perlembagaan. SUKEN juga boleh meneliti semula model Pendidikan Negara mengenai kedaulatan Raja-Raja supaya generasi muda menghargai kewujudan dan peranan institusi raja di negara kita.

Penulis adalah Profesor Madya Institut Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangkap Profesor Madya Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)